



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

#KitaSelangor

KENYATAAN MEDIA

YB. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN

EXCO KESIHATAN AWAM DAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN KECIL ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR 2024

Pada 30hb Julai 2024, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim telah mengadakan Majlis Penyampaian Geran Kecil Alam Sekitar Negeri Selangor 2024. Program Geran Kecil Alam Sekitar Negeri Selangor merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau bagi meningkatkan dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti ke arah kelestarian alam di Selangor.

Pada tahun ini, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar telah menawarkan geran kecil kepada komuniti untuk menjalankan Projek Kebun Komuniti dan Projek Sistem Penuaian Air Hujan atau lebih dikenali sebagai SPAH. Penuaian air hujan merupakan satu langkah yang inovatif dalam memanfaatkan sumber semula jadi yang sering kali terabai. Sistem ini bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan air bersih, malah turut membantu dalam mengurangkan risiko banjir dan menjimatkan kos.

Manakala projek kebun komuniti pula adalah satu inisiatif yang berupaya menggalakkan pertanian yang diusahakan komuniti, meningkatkan kebersihan dan keindahan persekitaran, serta memperkukuhkan hubungan silaturrahim dalam kalangan penduduk setempat. Taman komuniti bukan sahaja dapat memberi ruang ke arah usaha keterjaminan sumber makanan, malah memberikan manfaat dari segi psikologi dan sosial kepada komuniti.

Objektif utama pemilihan kedua-dua Projek ini iaitu Kebun Komuniti dan SPAH, antaranya untuk:

- i) membantu komuniti untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup hijau;
- ii) meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar; dan
- iii) menggalakkan penggunaan teknologi hijau di dalam kehidupan seharian.

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

Program Geran Kecil yang mula diperkenalkan pada tahun 2018 ini telah berjaya menarik penyertaan daripada pelbagai organisasi dan persatuan di Negeri Selangor termasuk Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Keagamaan serta Institusi Pendidikan. Berikutan sambutan yang amat menggalakkan, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau sekali lagi menyediakan Geran Kecil Alam Sekitar pada tahun ini dan penyertaannya telah dibuka bermula 1 hingga 30 Jun 2024 dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM600,000.00.

Bagi tahun ini, sebanyak 248 permohonan telah diterima daripada pelbagai Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, MPKK, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Institusi Keagamaan, Institusi Pendidikan dan NGO. Daripada jumlah ini, hanya 192 permohonan yang telah dipilih oleh Jawatankuasa berdasarkan kepada cadangan skop program yang menepati tema dan objektif program.

Kesemua permohonan ini telah disemak berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti berikut:

- (i) program/projek yang berpotensi menghasilkan impak positif kepada komuniti keseluruhannya;
- (ii) impak positif dalam jangka masa panjang ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar;
- (iii) penerapan elemen SDG dalam pelaksanaan projek atau aktiviti; dan
- (iv) program/projek baharu yang memberi kesan langsung kepada pengurangan karbon dengan sasaran untuk mempercepatkan transformasi bandar-bandar di negeri Selangor ke arah bandar rendah karbon.

Adalah diharapkan agar program-program ini dapat memberi inspirasi kepada komuniti lain di luar sana untuk bersama-sama membudayakan gaya hidup lestari. Kerajaan Negeri Selangor amat menghargai usaha di peringkat komuniti dalam usaha untuk bersama-sama menjalankan aktiviti yang dapat memberi mesej penting berkenaan kepentingan mengamalkan budaya hidup lestari di samping bersama-sama menjaga, memelihara dan memulihara alam sekitar.